

# Pemilik premis gagal patuhi dua notis bomba didenda RM3,000

**MIRI:** Seorang pemilik premis penginapan didenda RM3,000 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah gagal mematuhi dua notis menghapuskan bahaya kebakaran.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam selepas pemilik premis terbabit mengaku bersalah atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).

Mengikut keterangan kes, pada 9 Januari lalu, satu aduan diterima pihak bomba berhubung ketidakpatuhan keperluan keselamatan kebomba di premis tersebut.

Siasatan lanjut mendapati satu pemeriksaan telah

dilakukan pihak bomba ke premis berkenaan di KM38 Jalan Miri-Bintulu, masing-masing bertarikh 15 April 2025 dan 30 September 2025.

Hasil kedua-dua pemeriksaan mendapati kedudukan lif di salah sebuah blok di pusat penginapan terbabit tidak berada pada kedudukan asal ketika penggera kebakaran diaktifkan dan panel utama penggera kebakaran di blok tersebut berada dalam keadaan tidak baik yang boleh menyebabkan bahaya kebakaran.

Berikutan itu, dua Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah diserahkan kepada premis terbabit.

Pemeriksaan lanjut yang dilakukan bomba ke atas premis terbabit mendapati pemilik premis masih gagal mematuhi kehendak notis tersebut.

Susulan itu, satu kertas siasatan dibuka pada 27 Januari lalu bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan.

Bagi kesalahan pertama dan kedua, pemilik premis didenda masing-masing RM1,500 dan sebagai tambahan, denda RM100 sehari bagi kesalahan berterusan selepas sabitan.

Pendakwaan kes dikendalikan Awangku Mohd Hazmin Awang Zainal dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Zon 6 Miri manakala pemilik premis tidak diwakili peguam bela.